

29 MAR 2000

Hishammuddin-Terjunan

ISU TERJUNAN MILLENIUM SUDAH SELESAI, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan telah menerima kesemua jumlah wang bayaran balik yang dipinjamkan tanpa sebarang faedah daripada penganjur Terjunan Milenium 2000, Fikiran Syndicate, semalam.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata pinjaman sebanyak US\$200,000 (RM760,000) itu telah diserahkan tepat pada tempoh yang ditetapkan iaitu selewat-lewatnya semalam, sekali gus menyelesaikan isu terbabit.

"Selain menyerahkan pinjaman, Fikiran Syndicate juga mengemukakan surat memohon maaf bukan sahaja kepada kementerian malah kepada rakyat Malaysia keseluruhannya dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secara khususnya," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat pasca Kabinet di pejabatnya, di sini hari ini.

Beliau berkata, syarikat itu telah mengakui kelemahan dan kesilapan mereka berhubung penerjunan di Kutub Selatan pada 1 Jan lepas yang menjadi kontroversi itu dan merasa bertanggungjawab di atas perkara yang berlaku.

Menurutnya, penganjur juga menjelaskan kontroversi itu sama sekali tidak membabitkan kesemua lapan penerjun yang hanya melakukan penerjunan dengan tujuan mengharumkan nama negara tanpa mengetahui sebarang kontroversi yang berlaku.

"Dengan ini kementerian menganggap perkara tersebut telah selesai dan ini akan dijadikan iktibar dan pengajaran pada masa depan. Saya berharap perkara ini tidak akan melemahkan semangat rakyat yang ingin mencipta sejarah untuk mengharumkan nama menerusi semangat Malaysia Boleh," kata Hishammuddin.

Laporan siasatan mengenai terjunan itu setebal 55 mukasurat telah siap dan sedia diedarkan kepada sesiapa saja yang mahu membacanya.

Beliau berkata, satu garis panduan yang lebih terperinci akan dibuat terhadap mana-mana pihak yang mahu menganjurkan kegiatan serupa pada masa depan sebelum kementeriannya memberikan kelulusan.

Menurut Hishammuddin, kerajaan memberikan pinjaman itu bagi memastikan penerjun berjaya pulang setelah terkandas lebih dua minggu di Patriot Hill, Benua Antartika.

Pasukan Terjunan Milenium 2000, yang pergi tanpa sebarang bantuan kementerian, hanya berjaya melakukan satu penerjunan di Patriot Hill tetapi gagal membuat terjunan di Kutub Selatan walaupun laporan bercanggah daripada penganjur yang menyatakan kejayaan penerjunan itu.

-- BERNAMA

HRS zb